

## Pameran Seni Sasar Kutipan Dana RM150,000 Bantu Pendidikan Anak Autisme

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- **Kumpulan Perangsang Selangor Berhad** dengan kerjasama Balai Seni Visual Negara menyasarkan kutipan dana RM150,000 melalui Pameran Amal Insani yang berlangsung dari 2 hingga 25 April ini.

Lembaga Pengarah tanggungjawab sosial korporat (CSR) kumpulan itu Mustaffa Kamil berkata pameran yang berlangsung di Creative Space, Galeri Potret Negara di Balai Seni Visual Negara itu diadakan untuk mengumpul dana bagi keperluan tajaan dan pendidikan anak-anak autisme daripada keluarga kurang berkemampuan.

Katanya pameran yang diadakan bersempena Hari Kesedaran Autisme Sedunia itu juga bertujuan memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat agar lebih peka dan memberi sokongan terhadap golongan berkenaan.

"Sebanyak 35 pengkarya seni yang mengambil bahagian dalam mempersembahkan 47 karya mencakupi pelbagai tema untuk dipamerkan dan dijual bagi kutipan amal ini," katanya semasa merasmikan pameran itu di sini hari ini.

Mustaffa berkata pameran itu turut memberi peluang kepada kolektor seni untuk membeli sambil beramal sebagai menunjukkan tanda sokongan dan keprihatinan mereka terhadap masa depan anak autisme.

"Saya mengharapkan agar inisiatif sebegini dapat diteruskan bagi mengubah stigma masyarakat terhadap anak autisme. Melalui pendekatan seni, saya percaya ia dapat menjadi terapi dan mampu meningkatkan kemahiran komunikasi anak autisme," katanya.

Pameran itu turut mendapat kerjasama daripada Inisiatif Sokongan Autisme Nouri dan Pertubuhan Komuniti Artport Malaysia.

<http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/newsindex.php?id=1349105>